

EKONOMI TINGKATAN 5
MODUL AMANJAYA SPM 2018
KERTAS 1

TAJUK : **5.0 EKONOMI DAN KERAJAAN**
Standard Kandungan : **5.3 Alat Dasar Ekonomi**

1. Gambar di bawah ini berkaitan dengan pengiklanan suatu barang.

- Menaikkan kadar cukai
- Mengurangkan perbelanjaan kerajaan


- A. dasar fiskal menguncup
B. dasar fiskal mengembang
C. dasar kewangan menguncup
D. dasar kewangan mengembang
2. Dasar fiskal mengembang akan menyebabkan
- A. penurunan kadar pengangguran
B. penurunan perbelanjaan kerajaan
C. pertumbuhan ekonomi yang perlahan
D. penurunan tingkat harga umum di pasaran
3. Antara yang berikut, yang manakah merupakan hasil bukan cukai?
- I. Levi
II. Duti setem
III. Duti eksais
IV. Bayaran denda dan penalti
- A. I dan II C. II dan III
B. I dan IV D. III dan IV
4. Jadual di bawah menunjukkan hasil kerajaan persekutuan pada tahun tertentu.

Hasil cukai	Jumlah (RM juta)
Duti setem	2 290
Duit eksport	24 561
Cukai barang dan perkhidmatan	54 125
Cukai pendapatan syarikat	80 565
Duti import	12 424

Berapakah jumlah hasil cukai langsung kerajaan pada tahun tersebut?

- A. RM71 110 juta
B. RM82 853 juta
C. RM237 876 juta
D. RM227 976 juta

5. Rajah di bawah menunjukkan anggaran kewangan kerajaan persekutuan bagi tahun 2018.



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, tahun 2017

Jumlah hasil kerajaan ialah RM 850 juta

Sumbangan hasil cukai tak langsung kepada anggaran kewangan kerajaan ialah

- A. RM71 110 juta
- B. RM235 686 juta
- C. RM185 300 juta
- D. RM227 976 juta

6. Jadual di bawah menunjukkan hasil dan perbelanjaan kerajaan bagi tahun 2016 dan tahun 2017.

Komponen belanjawan	Tahun 2016	Tahun 2017
Hasil Kerajaan	RM160 bilion	RM220 bilion
Perbelanjaan kerajaan	RM140 bilion	RM235 bilion

Jadual di atas menunjukkan

- A. berlakunya kemelesetan ekonomi pada tahun 2016
 - B. kerajaan mencatatkan belanjawan lebihan pada tahun 2017
 - C. hasil kerajaan telah meningkatkan dengan tahun 2016
 - D. perbelanjaan kerajaan telah meningkat sebanyak 67.86% pada tahun 2017 berbanding dengan tahun 2016.
7. Pernyataan manakah yang merupakan langkah untuk mengatasi masalah pengangguran yang berleluasa dalam ekonomi?
- A. Menaikkan kadar cukai dan meningkatkan perbelanjaan kerajaan
 - B. Menurunkan kadar cukai dan mengurangkan perbelanjaan kerajaan
 - C. Menaikkan kadar cukai dan mengurangkan perbelanjaan kerajaan
 - D. Menurunkan kadar cukai dan meningkatkan perbelanjaan kerajaan

Formatted: Font: +Body CS (Arial)

8. Pernyataan manakah yang merujuk kepada cukai eksais?
- Cukai ke atas komoditi yang dieksport
 - Cukai terhadap barang penggunaan yang diimport dari luar negara
 - Cukai kepada keluaran tempatan yang dijual dalam negara
 - Cukai bagi dikenakan terhadap aktiviti nilai tambah pada setiap peringkat pengedaran barang dan perkhidmatan

9. Maklumat yang berikut berkaitan dengan sejenis cukai.

- Dikenakan setiap tahun ke atas pegangan harta oleh Pihak Berkuasa Tempatan
- Digunakan untuk kos mengangkut sampah serta membersihkan longkang

Apakah cukai tersebut?

- Cukai pintu
 - Cukai tanah
 - Cukai pendapatan syarikat
 - Cukai keuntungan hartanah
10. Pasangan manakah yang betul tentang perbezaan antara cukai langsung dengan cukai tidak langsung?

	Cukai Langsung	Cukai Tidak Langsung
A	Dikenakan ke atas barang	Dikenakan ke atas syarikat
B	Kadar cukai bersifat progresif	Kadar cukai bersifat agresif
C	Beban cukai boleh dipindahkan kepada orang lain	Beban cukai tidak boleh dipindahkan kepada orang lain
D	Contoh ialah duti setem	Contoh ialah cukai eksais

11. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan cukai tidak langsung?
- Encik Gopichan membayar duti setem apabila menandatangani surat perjanjian pembelian rumah
 - Syarikat Elit Berhad membayar cukai sebanyak 24% daripada keuntungannya kepada kerajaan
 - Encik Alias membayar cukai kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia
 - Petronas membayar 38% daripada jumlah pendapatan syarikat kepada kerajaan

12. Jadual yang berikut menunjukkan kedudukan kewangan sektor awam pada tahun 2015.

Butiran	Jumlah (RM Juta)
Hasil	211 989
Perbelanjaan mengurus	241 075
Perbelanjaan pembangunan	138 597

[Sumber: Diubah suai daripada Laporan Ekonomi 2016/2017]

- I. Kerajaan menjalankan dasar belanjawan kurangan
 - II. Sumber hasil kerajaan terdiri daripada hasil cukai dan HBC
 - III. Belanjawan negara satunya cara untuk mengatasi kemelesetan ekonomi
 - IV. Contoh perbelanjaan pembangunan ialah emolumen
- A. I dan II C. II dan III
B. I dan IV D. III dan IV

13. Jadual di bawah ini menunjukkan sebahagian sumber hasil cukai kerajaan pada tahun 2014.

Hasil Cukai	Jumlah (RM Juta)
Cukai pendapatan syarikat	65 240
Cukai Petroleum	26 956
Duti eksais	12 925
Duti import	1670
Duti eksport	1893

Berapakah jumlah hasil tidak langsung kerajaan pada tahun tersebut?

- A. RM14 595 juta
B. RM16 488 juta
C. RM92 196 juta
D. RM94 089 juta

14. Pasangan manakah yang benar?

	Perbelanjaan Mengurus	Perbelanjaan Pembangunan
A	Keselamatan	Bayaran khidmat hutang
B	Sektor perkhidmatan ekonomi	Bekalan dan perkhidmatan
C	Emolumen, Pencen,dan Ganjaran	Pentadbiran Am
D	Perkhidmatan social	Biasiswa bantuan kerajaan

15. Pernyataan manakah yang benar tentang cukai progresif?

- A. Hasil bukan cukai semakin meningkat
B. Hasil bukan langsung semakin meningkat
C. Peratus sumbangan hasil cukai langsung semakin meningkat
D. Peratus sumbangan hasil cukai tak langsung semakin meningkat

16. Jadual di bawah ini menunjukkan pendapatan dan jumlah cukai.

Pendapatan (RM)	Jumlah Cukai (RM)
10 000	1 000
20 000	2 000
30 000	3 000
40 000	4 000

Apakah jenis cukai tersebut?

- A. Cukai regresif
- B. Cukai progresif
- C. Cukai berkadar malar
- D. Cukai progresif dan berkadar malar

17. Cukai manakah yang dapat mengurangkan jurang perbezaan pendapatan dalam ekonomi?

- A. Cukai progresif dan cukai regresif
- B. Cukai progresif dan cukai berkadar malar
- C. Cukai berkadar malar dan cukai regresif
- D. Cukai progresif sahaja

18. Antara yang berikut, pernyataan manakah yang benar tentang cukai regresif?

- I. Cukai regresif dikenakan terhadap barang
 - II. Semakin tinggi pendapatan, semakin rendah beban cukai yang akan ditanggung
 - III. Golongan berpendapatan rendah akan menanggung lebih banyak beban cukai
 - IV. Cukai regresif akan menyelarakan agihan pendapatan masyarakat
- A. I, II dan III C. I, III dan IV
B. I, II dan IV D. II, III dan IV

19. Alat dasar fizikal terdiri daripada

- I. cukai.
 - II. kadar faedah.
 - III. surat jaminan kerajaan.
 - IV. perbelanjaan kerajaan.
- A. I dan II C. II dan III
B. I dan IV D. III dan IV

20. Antara yang berikut, manakah yang merupakan tujuan belanjawan Negara?

- I. Memastikan jumlah perbelanjaan tidak melebihi jumlah hasil negara.
 - II. Memastikan kerajaan memperoleh pinjaman yang mencukupi
 - III. Mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan
 - IV. Mencapai kestabilan ekonomi
- A. I, II dan III C. I, III dan IV
B. I, II dan IV D. II, III dan IV

21. Jadual di bawah ini menunjukkan anggaran hasil kerajaan persekutuan bagi tahun 2016.

Sumber Hasil	Jumlah (RM Juta)
Cukai pendapatan individu	27 566
Duti eksais	11 705
Lesen/permit	12 307
Cukai pendapatan syarikat	63 625
Cukai barang dan perkhidmatan	41 206
Cukai pendapatan petroleum	8 422
Duti import	2 905
Pendapatan pelaburan	21 425

[Sumber : Diubah suai daripada Laporan Ekonomi 2017/2018]

Kira hasil cukai langsung, hasil cukai taklangsung dan hasil bukan cukai.

	Hasil Cukai Langsung	Hasil Cukai Tidak Langsung	Hasil Bukan Cukai
A	11 318	77 241	12 307
B	121 038	52 912	20 729
C	91 191	43 510	21 425
D	96 613	55 816	33 732

22. Bagaimanakah kerajaan menggunakan belanjawan Negara untuk mengatasi masalah kemelesetan ekonomi?

	Perbelanjaan Kerajaan	Kadar Cukai
A	Mengurangkan	Dinaikkan
B	Mengurangkan	Diturunkan
C	Menambahkan	Dinaikkan
D	Menambahkan	Diturunkan

23. Perbualan yang berikut merujuk kepada satu masalah ketidakstabilan ekonomi yang dihadapi oleh sebuah Negara.

Azizan :	Permintaan agregat terhadap barang dan perkhidmatan meningkat.
Yoke Yee :	Betul la, keluaran firma sukar untuk ditingkatkan

Bagaimanakah bank pusat di Negara tersebut mengatasi masalah itu?

- I. Mengubahkan kadar rizab berkanun daripada 5% kepada 3%.
 - II. Mengubahkan tempoh bayaran balik pinjaman daripada 9 tahun kepada 5 tahun
 - III. Menjual surat jaminan kerajaan kepada orang ramai
 - IV. Mengubahkan kadar faedah pinjaman daripada 8% kepada 6%
- A. I dan II C. II dan III
B. I dan IV D. III dan IV

24. Dasar kewangan menguncup boleh dilaksanakan melalui

- I. menurunkan kadar faedah
 - II. menjual surat jaminan kerajaan
 - III. mengetatkan syarat sewa beli
 - IV. menurunkan nisbah rizab berkanun
- A. I dan II C. II dan III
B. I dan IV D. III dan IV

25. Penurunan dalam nisbah rizab berkanun menyebabkan

- A. kadar pengangguran meningkat
- B. kuasa beli masyarakat meningkat
- C. bekalan wang dalam ekonomi berkurang
- D. keupayaan bank perdagangan memberi pinjaman menurun


26. Maklumat di bawah menunjukkan situasi dalam ekonomi.

- Pinjaman orang ramai meningkat
- Permintaan agregat meningkat

Tindakan bank pusat yang manakah akan menyebabkan kesan di atas?

- A. Menaikkan nisbah rizab berkanun dan kadar faedah
- B. Menurunkan nisbah rizab tunai dan melonggarkan syarat sewa beli
- C. Membeli surat jaminan kerajaan dan menaikkan nisbah rizab berkanun
- D. Menjual surat jaminan kerajaan dan menurunkan nisbah rizab berkanun

27. Rajah di bawah ini menunjukkan kesan suatu tindakan yang dijalankan oleh kerajaan.



Apakah tindakan tersebut?

- A. Menurunkan kadar faedah
- B. Menurunkan nisbah rizab tunai
- C. Menurunkan nisbah rizab berkanun
- D. Memendekkan tempoh pembiayaan

28. Tindakan bank pusat yang manakah dapat mengurangkan pengangguran dalam ekonomi?

- A. Meningkatkan kadar faedah
- B. Menurunkan nisbah rizab tunai
- C. Menjual surat jaminan kerajaan
- D. Memendekkan tempoh bayaran balik pinjaman

29. Bank pusat dapat meningkatkan pelaburan firma dengan cara.....

- A. menurunkan kadar faedah
- B. mengetatkan syarat sewa beli
- C. menjual surat jaminan kerajaan
- D. meningkatkan nisbah rizab berkanun

30. Bagaimanakah dasar kewangan mengatasi masalah 'terlalu banyak wang mengejar sedikit barang dalam ekonomi?

- I. Menaikkan kadar cukai
 - II. Menaikkan kadar faedah
 - III. Membeli surat jaminan kerajaan
 - IV. Menurunkan nisbah rizab tunai
- A. I dan II C. II dan III
B. I dan IV D. III dan IV

31. Maklumat di bawah menunjukkan penunjuk ekonomi bagi empat buah Negara.

Negara	Kadar pengangguran (%)	Kadar faedah (%)	Kadar inflasi (%)
Negara J	11.2	3.5	1.5
Negara K	13.3	8.6	3.8
Negara L	12.2	7.4	3.5
Negara M	6.7	5.0	2.2

Jadual di atas menunjukkan

- A. negara yang mempunyai kadar inflasi yang tinggi mempunyai faedah yang tinggi
- B. negara yang mempunyai kadar inflasi yang terendah mempunyai kadar pengangguran tertinggi
- C. negara yang mempunyai kadar inflasi yang terendah mempunyai kadar pengangguran terendah
- D. negara yang mempunyai kadar faedah yang tinggi mempunyai kadar pengangguran yang rendah

32. Antara yang berikut, pihak yang mengalami kesan menguntungkan semasa inflasi ialah

- A. pemiutang
- B. penghutang
- C. pemegang wang tunai
- D. pekerja yang menerima pendapatan tetap

Soalan 33 hingga Soalan 34 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Betul	Salah

33. I Dasar fiskal mengembang digunakan untuk mengatasi masalah ketidakstabilan ekonomi
 II Kadar cukai diturunkan dalam dasar fiskal mengembang

34. I Dasar kewangan mengembang digunakan untuk mengatasi masalah kemelesetan ekonomi
 II Salah satu alat dasar kewangan mengembang ialah menjual surat jaminan kerajaan.

35. Apakah kesan penurunan kadar faedah kepada ekonomi sesebuah negara?

- A. Jumlah permintaan agregat berkurang
- B. Kadar pertumbuhan ekonomi lebih perlahan
- C. Pendapatan negara sebenar bertambah
- D. Masalah pengangguran kitaran lebih serius

36. Berikut merupakan alat-alat dasar kewangan yang digunakan untuk mengawal bekalan wang dan pembentukan kredit semasa berlaku inflasi. Yang manakah pasangan yang tidak benar?

A	Nisbah rizab	Nisbah rizab berkanun akan dinaikkan
B	Kadar faedah	Kadar faedah akan dinaikkan
C	Operasi pasaran terbuka	Bank pusat kan membeli surat jaminan kerajaan semasa
D	Syarat sewa beli	Bank pusat mengetatkan syarat sewa beli

Soalan 37 hingga soalan 39 berdasarkan pilihan jawapan di bawah ini.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Betul	Salah

37. I Inflasi berlaku apabila negara menghadapi masalah lebih inventori/stok.
II Semasa inflasi, kerajaan akan menurunkan perbelanjaan kerajaan dan menurunkan kadar cukai
38. I Bank perdagangan wajib menyimpan sejumlah wang pada kadar yang tetap di bank pusat sebagai rizab berkanun
II Semakin tinggi rizab berkanun, bermakna semakin kurang keupayaan bank perdagangan memberi pinjaman
39. I Beban cukai pendapatan individu tidak boleh dipindahkan kepada orang lain
II Cukai pendapatan koperasi merupakan cukai tidak langsung
40. Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan dasar kewangan mengembang?
- A. Penurunan kadar faedah
B. Peningkatan nisbah rizab berkanun
C. Pendapatan negara sebenar bertambah
D. Penurunan kadar cukai barang dan perkhidmatan